

Syarahan Anugerah Merdeka Kupas Isu Pengurusan Air Negara

Oleh: Mohd. Affzanizan
Mohd. Amin



Satu Syarahan Anugerah Merdeka telah berlangsung pada 16 April lalu bertempat di Dewan Resital, UMS. Syarahan bertajuk "Water War? Science and Politics of Water Management" disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang.

Dalam syarahan Penerima Anugerah Merdeka 2009 untuk kategori Pencapaian Ulung Akademik ini, beliau menjelaskan isu air meliputi tiga perkara utama iaitu bebas subsidi, tidak berpusat dan tahap teknologi. "Kalau tidak, kita akan ingat harga air adalah murah tapi sebenarnya tidak. Kita bayar dengan cara lain menggunakan wang daripada pembayar cukai.

"Mengenai aspek tidak berpusat ini, kita tidak mahu 'travel of material' jauh kerana ini akan memberi kesan kepada penggunaan tenaga dan kita tiada 'sense of belonging' terhadap sumber air di mana kita berada kerana air diperolehi dari tempat lain," katanya. Beliau yang juga ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berkata sekiranya kaedah ini dilaksanakan, sistem pengurusan air akan menjadi lebih dinamik.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon berkata isu yang perlu dibincangkan itu adalah perlu, memandangkan Malaysia berhadapan krisis air yang berpunca dari fenomena El-Nino.

"Berikutan pemanasan global yang makin ketara, pola hujan dan kemarau juga berubah dari aspek masa dan tempoh menyebabkan jumlah hujan

yang tidak menentu. Selain itu, kualiti air juga semakin merosot berpunca dari aktiviti sosio-ekonomi dan pengurusan yang tidak mapan," katanya.

Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr Hj. Kasim Hj Md. Mansur. Turut hadir

Pengarah Eksekutif Anugerah Merdeka, Datuk Mohd. Khalid Mohd, Pengarah Perkhidmatan Pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP), Hj Mohamed Noor Rosli Baharom dan Dekan Sekolah Sains dan teknologi UMS, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah.

